

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH**

**TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan bagi melindungi nelayan dan perairan Malaysia, khususnya di Pantai Timur Semenanjung, dari pencerobohan dan gangguan nelayan-nelayan asing setelah beberapa pertemuan diadakan dengan Menteri-Menteri berkenaan.

**Jawapan: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDADA MENTERI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Maritim Malaysia dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia terutamanya di bawah Akta Perikanan 1985 bagi memantau aktiviti pencerobohan nelayan di zon larangan. Dalam masa sama, Maritim Malaysia telah meningkatkan rondaan dan kehadiran di perairan negara dengan mengoperasikan 7 hingga 10 vesel setiap hari di setiap Wilayah sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Kawasan yang cenderung untuk diceroboh oleh bot nelayan asing telah dikenalpasti dan rondaan serta pemeriksaan berkala juga diteruskan. Dalam masa yang sama bot-bot samaran beserta Unit Khas juga turut ditugaskan.

Agensi ini juga sering mengadakan program gerak saraf yang dijenamakan sebagai Sahabat Maritim bagi mendedahkan kepada komuniti maritim terutamanya persatuan-persatuan nelayan terhadap keselamatan yang perlu dititikberatkan semasa berada di laut. Komuniti maritim ini berperanan sebagai mata dan telinga terhadap agensi di dalam menyalurkan maklumat berkenaan isu pencerobohan dan gangguan nelayan-nelayan asing ini.

Maritim Malaysia telah meningkatkan pengawasan udara terutamanya di kawasan Pantai Timur Semenanjung yang sering diceroboh dan diganggu oleh nelayan-nelayan asing khususnya di

Perairan Pantai Timur. Selain itu, Maritim Malaysia dalam proses menerima enam buah kapal ronda *New Generation Patrol Crafts* (NGPC) secara berperingkat pada tahun 2017 dalam usaha untuk mempertingkatkan rondaan dan pengawasan di perairan negara. Kapal-kapal ini akan dilengkapi dengan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) untuk tujuan tinjauan. Maritim Malaysia juga dalam cadangan pembinaan pangkalan di Kuantan, di mana ia akan menempatkan sebuah *Offshore Patrol Vessel* (OPV) iaitu KM Pekan yang diterima daripada kerajaan Jepun bagi mengoptimumkan operasi di Perairan Pantai Timur khususnya dan Laut China Selatan amnya.

Sekian, terima kasih.